



## Majlis Konvokesyen UPM Ke-33



Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah (tengah) bersama penerima-penerima Hadiah Universiti Majlis Konvokesyen UPM ke-33 pada sidang akhbar di UPM baru-baru ini.

**SERDANG** - Universiti Putra Malaysia (UPM) melangsungkan Majlis Konvokesyen UPM Ke-33 Tahun 2009 bermula 8 Ogos hingga 11 Ogos 2009 bertempat di Dewan Besar, Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PKKSSAAS) di sini.

Tuanju Canselor UPM, Sultan Sharafuddin Idris Shah Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah akan mengurniakan ijazah doktor falsafah (Ph.D), sarjana (Master), bachelar dan diploma kepada graduan pada hari pertama (sesi pertama).

Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah dalam sidang media Majlis Konvokesyen UPM ke-33 berkata majlis pengurniaan ijazah yang melibatkan lapan sesi selama empat hari itu akan turut disempurnakan oleh dua Pro Canselor UPM iaitu Tan Sri Dato' Dr. Nayan Ariffin pada sesi kedua, keempat, kelima dan kelapan, manakala Tan Sri Dato' Sri Lim Ah Lek pada sesi ketiga, keenam dan ketujuh.

"Seramai 7,597 graduan pelbagai pengajian akan menerima ijazah dan diploma masing-masing pada majlis itu meliputi penerima Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) seramai 141, Ijazah Sarjana (1,072) Bachelar (5,964) dan Diploma (400).

"Daripada penerima bachelar seramai 5,984, pelajar yang mendapat ijazah kelas pertama seramai 417, kelas kedua 3,968, kelas kedua bawah 1,396 dan kelas ketiga 34," katanya.

Beliau turut mengumumkan UPM akan menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Pembangunan Pertanian kepada Mantan Perdana Menteri Malaysia ke-5, Yang Amat Berbahagia Tun Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi pada sesi pertama iaitu pada pagi 8 Ogos 2009.

Katanya UPM juga menganugerahkan Anugerah Profesor Emeritus kepada Dato' Ir. Dr. Muhamad Zohadie Bardaie pada sesi kedua 8 Ogos 2009 sebelah petang dan Prof. Dr. Muhamad Awang menerima anugerah yang sama pada sesi ketiga pada 9 Ogos 2009 sebelah pagi.

Pada majlis itu Datuk Dr. Nik Mustapha memperkenalkan tujuh pemenang Hadiah Peringkat Universiti bagi lapan kategori.

Katanya Tuanju Canselor berkenan mengurniakan hadiah kepada para pemenang Hadiah Peringkat Universiti iaitu Pingat Emas Canselor kepada Noorhalizam Mohamad Noor (Bachelar Sains Pertanian) yang turut dianugerahkan Pingat Emas Profesor Emeritus Tan Sri Dr. Rashdan Baba.

"Hadiah-hadiah lain ialah Anugerah Pelajaran DiRaja (kategori Bumiputera) kepada Yussyafiqah Yunus (Bachelar Pengajian Pengguna) dan bagi kategori bukan Bumiputera iaitu Lee Pay Chiann (Bachelar Sains Perhutanan), Pingat Emas Alumni kepada Lim Sue Yee (Doktor Perubatan Veterinar), Pingat Emas Yayasan Pak Rashid kepada Shafeeqa Shahrudin (Bachelar Sains Pertanian), Hadiah Agrario kepada Chong Jiu Hui (Bachelor Kejuruteraan – Proses dan Makanan) dan Hadiah Syed Kechik kepada Nur Syuhada Adnan (Doktor Perubatan Veterinar)," katanya.

Beliau turut mengumumkan dua program sulung pelajar yang akan bergraduat pada majlis konvokesyen kali ini iaitu Bachelor Sains Dietetik, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan seramai 33 orang dan Bachelor Sains dan Teknologi Kayu, Fakulti Perhutanan seramai 2 orang.



Noorhalizam Mohamad Noor (Bachelor Sains Pertanian) penerima anugerah berganda, Pingat Emas Canselor dan Pingat Emas Profesor Emeritus Tan Sri Dr. Rashdan Baba.

Disediakan oleh Seksyen Media dan Publisiti, Bahagian Komunikasi Korporat UPM.